

Wanita terima enam jahitan di bibir, muka bengkak

Ditumbuk suami cemburu buta

UTUSAN MALAYSIA (05/10/2020) M/S 31

Oleh AZAHAR HASHIM
utusannews@mediamula.com.my

KULIM: Seorang wanita terpaksa menerima enam jahitan di bibir dan bengkak pada muka akibat ditumbuk suaminya dipercayai akibat cemburu dalam kejadian di rumahnya di Taman Kemuning di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.50 petang itu, mangsa yang berusia 45 tahun juga dipukul dengan plat besi pada belakang badan.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintenden Azhar Hashim berkata, mangsa secara tiba-tiba ditumbuk suaminya yang berusia 48 tahun pada muka ketika mahu masuk ke dalam

rumahnya.

“Suspek yang merupakan penganggur kemudian mengambil sebatang plat besi lalu memukul mangsa di belakang badannya.

“Akibat tumbukan itu, mangsa mengalami kecederaan pada mulut dan bengkak mukanya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, dalam keadaan muka bengkak dan bibir berdarah, mangsa menunggang motosikal sejauh empat kilometer untuk membuat laporan di Balai Polis Kulim sebelum menerima rawatan di Hospital Kulim.

“Berdasarkan laporan itu, pihaknya bertindak menahan

suspek di lokasi kejadian dan pemeriksaan di sekitar rumah itu menemui sebatang besi dipercayai digunakan untuk memukul mangsa,” ujarnya.

Menurutnya, hasil soal siasat mendapati pasangan itu yang mempunyai seorang anak perempuan berusia belasan tahun dipercayai kerap bergaduh dan mangsa sering dipukul.

“Siasatan percaya kejadian berpunca daripada perasaan cemburu suspek,” jelasnya.

Tambahnya, suspek yang negatif dadah juga mempunyai satu rekod jenayah lampau atas kesalahan mencuri.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan 326A Kanun Keseksaan.



KEADAAN muka mangsa yang bengkak dan berlumuran darah selepas ditumbuk oleh suaminya di Taman Kemuning, Kulim, semalam.